

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJAH NORAH BT ABD
RAHMAN
[TANJONG MANIS]**

NO. SOALAN : 174

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan sama ada Kementerian dapat memberi peruntukan bagi menaik taraf jalan kampung iaitu jalan tanah/jalan simen yang sempit dan kecil seperti di Pulau Br uit (Daerah Daro), Mupong dan Selidap (Daerah Meradong).

JAWAPAN :

Untuk makluman Yang Berhormat, jalan tanah/jalan simen tersebut boleh diberikan peruntukan untuk dinaik taraf mengikut spesifikasi Jalan Perhubungan Desa (JPD) seperti yang telah dinyatakan di dalam Garis Panduan dan Kriteria Pelaksanaan Projek Jalan Perhubungan Desa Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW).

Spesifikasi JPD adalah mengikut kesesuaian lokasi dengan mengambilkira kelebaran bahu jalan, rezab jalan dan kegunaan jalan. Spesifikasi JPD adalah seperti berikut:

- i) Lebar turapan 8 hingga 14 kaki;
- ii) Lebar bahu jalan minimum 1.5 kaki;
- iii) Ketebalan batu (*crusher run*) minimum 9 inci;
- iv) Ketebalan premix minimum 2 hingga 3 inci;
- v) Gred cerun maksimum 12%;
- vi) *Prime Coat* (optional) 0.7 liter/m²;
- vii) Disediakan ruang kenderaan berselisih (*lay by*) mengikut keperluan bergantung kepada rezab jalan;
- viii) Disediakan longkang sisi jalan mengikut keperluan untuk mengelakkan kerosakan jalan

- akibat air bertakung bergantung kepada rezab jalan; dan
- ix) Mendapat kebenaran izin lalu (*Right of Way*) daripada tuan tanah.